

681

PARLIMEN-MAHATHIR

1974

KUALA LUMPUR, 28. NOV. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MENEGASKAN DI DEWAN RAKYAT HARI INI BAHAWA SOAL PELAJARAN ADALAH SOAL NASIONAL YANG PERLU DIBERI PERHATIAN DARI SEGI KEPENTINGAN NASIONAL.

IA TIDAK SEHARUSNYA DIPANDANG DARI SEGI KEPENTINGAN SESUATU KAUM ATAU GOLONGAN DI NEGARA INI, KATANYA KETIKA MENJAWAB PERKARA-PERKARA YANG DITIMBULKAN OLEH AHLI-AHLI DEWAN SEMASA PERBAHASAN BELANJAWAN.

BELIAU MEMBIDAS ANGGOTA-ANGGOTA DARI SEREMBAN DR. CHEN MAN HIN (DAP) DAN ENCIK CHIAN HENG KAI (DAP-BATU GAJAH) YANG MENUMPUKAN PERHATIAN TERHADAP MASAALAH PELAJARAN BAHASA DAN KAUM CHINA SAHAJA DALAM UCAPAN MASING-MASING.

PENENTUAN TERHADAP BAHASA KEBANGSAAN TELAH DIBUAT OLEH SELURUH RAKYAT, BUKAN RAKYAT YANG BERKETURUNAN MELAYU SAHAJA, KATANYA.

JIKA SEMUA KAUM MAHU DIADAKAN PUNGUTAN SUARA YANG TERBATAS KEPADA KAUM ITU SAHAJA MAKA AKAN LAHIRLAH MASYARAKAT YANG SERIBU BAHASA, KATANYA. -- BERSAMBUNG 1907//YF

201

684

PARLIMEN-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN BAHAWA RAKYAT DARI SEMUA KAUM PADA KESELURUHANNYA MENERIMA DASAR KERAJAAN BARISAN NASIONAL TERMASUK SOAL PELAJARAN.

INI JELAS TERBUKTI DENGAN KEMENANGAN CEMERLANG BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA BARU-BARU INI.

JIKA RAKYAT MENYOKONG DASAR PERJUANGAN DAP, SEHARUSNYA PARTI ITU SUDAH BERKUASA MEMERINTAH NEGARA INI, TETAPI SEBALIKNYA +MEREKA TELAH KALAH TERUK, + KATA BELIAU.

MENJAWAB MASAALAH YANG DIKEMUKAKAN OLEH, ENCIK SHAMSUDDIN BIN DIN (BN-GRIK) MENTERI ITU BERKATA, PENUBUHAN SEKOLAH-SEKOLAH ALIRAN KEBANGSAAN SAHAJA BAGI PERINGKAT RENDAH HINGGA MENENGAH ATAS ADALAH TIDAK PRAKTIKAL KERANA MASYARAKAT MALAYSIA TERDIRI DARIPADA BERBILANG KAUM.

+OLEH YANG DEMIKIAN KERAJAAN MEMBENARKAN SEKOLAH-SEKOLAH ALIRAN CHINA DAN TAMIL DITERUSKAN, + KATANYA.

MENGENAI CADANGAN SUPAYA DITAMBAHKAN LAGI UNIVERSITI DI NEGARA INI, DR. MAHATHIR BERKATA INI TIDAK PERLU KERANA TERDAPAT LIMA BUAH UNIVERSITI DI NEGARA INI.

SELAIN DARIPADA UNIVERSITI MALAYA, UNIVERSITI LAIN TERMASUK INSTITIUT TEKNOLOGI KEBANGSAAN MASIH DIPERINGKAT AWAL DAN BOLEH MENERIMA LEBIH RAMAI PENUNTUT. -- BERSAMBUNG 1912/YF

MENYENTUH TENTANG PERKARA YANG DITIMBULKAN OLEH ENCIC AN FOW CHEONG (BN- TELUK ANSON) TENTANG KEKURANGAN POLITEKNIK DAN SEKOLAH VOKESYENAL, BELIAU MEMBERITAHU BAHAWA KEMENTERIANNYA MERANCANG MEMBINA SEBUAH POLITEKNIK DI KUANTAN DAN BANYAK LAGI SEKOLAH VOKESYENAL AKAN DIBUKA.

BELIAU MENOLAK PENDAPAT WAKIL ITU BAHAWA PERATUS KELULUSAN PELAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH VOKESYENAL ADALAH RENDAH.

MENGENAI CADANGAN SUPAYA TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK (TADIKA) DIJADIKAN SEBAHAGIAN DARIPADA SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN, BELIAU MENJELASKAN BAHAWA KEMENTERIAN BELUM MEMPUNYAI RANCANGAN DEMIKIAN.

MENGENAI MASAALAH DIDIKAN KEROHANIAN DAN PELAJARAN UGAMA ISLAM MENTERI ITU MENYATAKAN BAHAWA SEBUAH MAJLIS PENASIHAT AGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH TELAH DITUBUHKAN UNTUK MENKKAJI DAN MEMBUAT SYUR BAGI MEMPERBAIKI LAGI PELAJARAN UGAMA ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH.

— BERSAMBUNG 1917/YF

MENTERI PENGANGKUTAN DAN KERJARAYA, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG MEMBERITAHU SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA KONTEREK-KONTEREK YANG DIKELUARKAN OLEH JABATAN KERJARAYA TELAH DI-SEMPURNAKAN MENGIKUT JADUAL.

KELAMBATAN SETENGAH-SETENGAH PROJEK ADALAH DISEBABKAN KELEMAHAN KEWANGAN PEMBORONG-PEMOTORONG DAN KESUKARAN MENDAPATKAN BAHAN BENAAN.

KELAMBATAN SETENGAH-SETENGAH PROJEK ADALAH DISEBABKAN KELEMAHAN K KEWANGAN PEMBORONG-PEMOTORONG DANKESUKARAN MENDAPATKAN BAHAN BENAAN.

MENURUT BELIAU ADA DIANTARA PEMBORONG-PEMOTORONG BUMIPUTRA YANG TERPAKSA MENUNGGU PINJAMAN DARI MARA SEBELUM SESUATU PROJEK DAPAT DILAKSANAKAN.

MENJAWAB PERKARA-PERKARA YANG DIKEMUKAKAN OLEH ANGGUTA-ANGGUTA DARI SABAH, DATUK GHANI MEMBERITAHU BAHAWA PERLAKSANAAN PROJEK-PROJEK JALANRAYA DI NEGERI ITU PADA KESELURUHANNYA BERJALAN MENGIKUT JADUAL.

KELAMBATAN BAGI SETENGAH-SETENGAH PROJEK ADALAH DISEBABKAN KEKURANGAN BATU DAN PERKARA INI AKAN DAPAT DIATASI DENGAN PENUBHAN BEBERAPA BUAH KUARI DI NEGERI ITU.

MENGENAI KESELAMATAN JALANRAYA, BELIAU MENYATAKAN PIHAK KEMENTERIAN DAN MAJLIS KESELAMATAN JALANRAYA SEDANG MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MENGURANGKAN LAGI KEMALANGAN JALANRAYA. -- BERSAMBUNG 1922/YF

AKTA LALULINTAS AKAN DIPERKETAT DAN HUKUMAN YANG LEBIH BERAT AKAN DIKENAKAN BAGI KESELAHAN LALU LINTAS.

BELIAU MENYERU ORANGRAMAI BEKERJASAMA DAN MENYOKONG KEMPEN KESELAMATAN JALANRAYA BAGI MENGURANGKAN KEMALANGAN.

DATUK GHANI JUGA MEMBERITAHU BAHAWA PIHAKNYA SEDANG MENGAJUI KEMUNGKINAN MEMBUKA PEJABAT PENDAFTARAN DAN PEMMERIKSAAN KENDERAAN (RIMV) DI SUNGAI PETANI, TAIPING DAN BANDAR-BANDAR LAIN.

+JIKA PERLU INI AKAN DIMASUKAN KEDALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA,+ UJARNYA. — BERSAMBUNG 1924/YF

TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, ENCIK PAUL LEONG MENJAWAB PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN MEMBERITAHU SATU YUNIT PERISIKAN PEMASARAN TELAH DITUBUHKAN DI BAWAH LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA BAGI MENGAJUI KEADAAN PEMASARAN KAYU-KAYAN DI LUAR NEGERI.

BELIAU MENAFIKAN KHABAR-KHABAR ANGIN BAHAWA PENIAGA-PENIAGA GETAH DAN PEMILIK-PEMILIK RUMAH ASAP AKAN KEHILANGAN PERNIAGAAN MEREKA KERANA MEREKA DIMESTIKAN MENJUAL SUSU GETAH SECARA LANGSUNG KEPADA MARDEC.

KATANYA, MEREKA BOLEH MENJUAL GETAH KEMANA-KEMANA PIHAK YANG MEREKA SUKAI DAN TUJUAN OPERASI MARDEC DI LUAR BANDAR HANYA UNTUK MEMBOLEHKAN PEKEBUN-PEKEBUN KECIL MENJUAL GETAH SECARA LANGSUNG DAN MENGELAKKAN EKSPLOITASI ORANG TENGAH.

MENGENAI PERUSAHAAN TEMBAKAU, ENCIK LEONG BERKATA ADALAH TIDAK BENAR BAHAWA PENANAM-PENANAM TEMBAKAU MENGHADAPI KESULITAN MENANAM TEMBAKAU SECARA BESARAN KERANA KEJATUHAN HARGA TEMBAKAU.

LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA TELAH MENGAJUI MENGENAI KOS PENGELUARAN TEMBAKAU DAN TELAH MENAIKKAN HARGA-HARGA TEMBAKAU MULAI 21 OGOS TAHUN INI.

BELIAU MEMBERITAHU DARI JUMLAH KEPERLUAN TEMBAKAU TAHUN INI 45 PERATUS MERUPAKAN TEMBAKAU YANG DIIMPOT DAN 55 PERATUS DIKELUARKAN DARI DALAM NEGERI.

PENGUNAAN TEMBAKAU TEMPATAN DIANGGARKAN BERTAMBAH DENGAN KADAR 20 PERATUS TIAP-TIAP TAHUN DAN LEMBAGA TERSEBUT TELAH PUN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGGALAKKAN LEBIH BANYAK TEMBAKAU DIKELUARKAN DI NEGARA INI. — BERSAMBUNG 1931/YF

689

PARLIMEN - MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

KATA BELIAU PADA TAHUN 1972 SELUAS 19,870 EKAR DITANAM DENGAN TEMBAKAU DAN PENGELUARAN TEMBAKAU TEMPATAN JUGA TELAH BERTAMBAH DARI 10.6 JUTA PAUN TAHUN LEPAS KEPADA 16.7 JUTA PAUN TAHUN INI.

JUMLAH ITU DIJANGKA BERTAMBAH KEPADA 19 JUTA PAUN TAHUN DEPAN.

KATANYA, ADALAH DIHARAPKAN BAHAWA PENGELUARAN YANG BERTAMBAH AKAN BERANSUR-ANSUR MENGURANGKAN JUMLAH TEMBAKAU YANG DIIMPOT.

ENCIK LEONG BERKATA KEMENTERIANNYA AKAN MENGGALAKKAN EKSPOT TEMBAKAU MALAYSIA APABILA JUMLAH YANG CUKUP DIKELUARKAN BAGI KEGUNAAN TEMPATAN.

SETIAUSAHA PARLIMEN DI JABATAN PERDANA MENTERI, ENCIK ABDULLAH MAJID MENJAWAB PERKARA-PERKARA BERHUBUNG DENGAN LUAR NEGERI MEMBERITAHU DEWAN PERTUKARAN DUTA ANTARA MALAYSIA DAN REPUBLIK RAKYAT CHINA AKAN BERLAKU SATU ATAU DUA BULAN LAGI.

BELIAU BERKATA ADALAH TIDAK BENAR BAHAWA MUNGKIN ADA ORANG YANG BERTEDUH DI BAWAH PERTUKARAN DUTA ITU.

KATANYA, JIKA TIMBUL KEJADIAN SEPERTI ITU KEMENTERIAN DALAM NEGERI AKAN MENGAMBIL TINDAKAN YANG SEWAJARNYA.

MENJAWAB HAJI WAHAB YUNUS (BN - DUNGUN), ENCIK ABDULLAH BERKATA BUKANLAH TUGAS KEDUTAAN BESAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI MENANAM SEMANGAT CINTA KEPADA TANAH AIR DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA. -- BERSAMBUNG 1936/YF

690

PARLIMEN - MAHATHIR 8 KUALA LUMPUR

KATANYA, PATUTNYA PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA SUDAH MEMPUYAI PERASAAN CINTA KEPADA NEGARA SEBELUM MEREKA MELANJUTKAN PELAJARAN KE LUAR NEGERI.

BELIAU BERKATA ADALAH SUNGGUH MENGHINAKAN SETENGAH-TENGAH PELAJAR DI NEW ZEALAND DAN AUSTRALIA TELAH MENUNJUK PERASAAN MENENTANG MALAYSIA SEDANGKAN MEREKA MENGGUNAKAN PASPOT MALAYSIA SEBAGAI PERLINDUNGAN.

SAGAIMANA PUN BELIAU BERKATA HANYA SEGELINTIR PELAJAR-PELAJAR YANG MELAKUKAN PERBUATAN SEPERTI ITU.

ENCIK ABDULLAH BERKATA JABATAN-JABATAN PELAJAR DI LUAR NEGERI SENTIASA BERHUBUNG RAPAT DENGAN PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DAN KERAJAAN AKAN MENAMBAH JABATAN SEPERTI ITU MENURUT KEMAMPUAN. -- BERNAMA 1940/YF

203